

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10163
ASAS PENGURUSAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah kepentingan pengurusan dalam sesebuah organisasi? CLO1
T1
- A** Pengurus dapat menunjukkan kuasanya
B Memastikan maklumat organisasi terpelihara
C Memastikan aktiviti sesebuah organisasi berjalan lancar
D Pekerja diberi kebebasan untuk menggunakan sumber organisasi
2. Jawatan penyelia berada di peringkat pengurusan _____ CLO1
T1
- A** atasan
B strategik
C bawahan
D pertengahan
3. Teori Pengurusan Pentadbiran mempunyai 14 prinsip diasaskan oleh _____ CLO1
T1
- A** Elton Mayo
B Max Weber
C Henry Fayol
D Henry Grantt
4. Fungsi manakah dalam pengurusan melibatkan proses untuk menentukan CLO1
objektif yang hendak dicapai oleh organisasi dan tindakan yang sesuai untuk T1
dilaksanakan?
- A** Kepimpinan
B Pengawalan
C Perancangan
D Pengorganisasian

5. Kemahiran berfikir secara strategik, menganalisis sesuatu masalah dengan CLO1 baik dan kebolehan merancang. T1

Kenyataan ini, merujuk kepada kemahiran _____

- A teknikal
- B konseptual
- C kemanusiaan
- D pembuatan keputusan

6. Pengurusan yang lebih mementingkan hubungan kemanusiaan dalam interaksi CLO1 pengurus dan pekerja serta mempercayai bahawa motivasi manusia lebih T1 dipengaruhi oleh dirinya sendiri.

Apakah pendekatan yang **TEPAT** dengan pernyataan di atas?

- A Pengurusan Klasik
- B Pengurusan Gelagat
- C Pengurusan Kuantitatif
- D Pengurusan Kontemporari

7. Berikut merupakan tujuan perancangan **KECUALI** CLO1
T2

- A Menentukan halatuju
- B Mengurangkan kesan perubahan
- C Memastikan pekerja bekerjasama
- D Menetapkan piawai dan memudahkan kawalan

8. Perancangan _____ merupakan perancangan jangka pendek yang CLO1 memberi penekanan terhadap tugas-tugas rutin yang berkaitan dengan aktiviti T2 pengeluaran.

- A taktikal
- B operasi
- C tindakan
- D strategik

CLO1T2

9.

Tahun 2024, syarikat menyasarkan untuk mencapai keuntungan sebanyak RM50 juta dengan meningkatkan jumlah jualan sebanyak tiga kali ganda
--

Penyataan di atas merujuk kepada langkah-langkah dalam proses _____.

- A kepimpinan
 - B pengawalan
 - C perancangan
 - D pengorganisasian
10. Siapakah yang bertanggungjawab mereka bentuk perancangan selaras dengan CLO1 objektif jangka panjang organisasi? T2

- A Ketua kumpulan
- B Pengurusan atasan
- C Pengurusan pertengahan
- D Pengurusan peringkat bawahan

11. Apakah takrif pengorganisasian? CLO1
T3

- A Proses yang kompleks melibatkan keadaan dalaman dan luaran individu
- B Proses untuk menentukan apa yang hendak dicapai oleh organisasi dan tindakan yang perlu dilaksanakan
- C Proses memantau prestasi dan pengambilan tindakan untuk memastikan hasil tercapai seperti jangkaan
- D Proses menyusun dan mengagihkan sumber-sumber organisasi untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan bagi mencapai matlamat organisasi

12.

CLO1T3

- kerja-kerja jualan, promosi, iklan, penghantaran dan lain-lain aktiviti yang berkaitan disatukan di bawah fungsi atau jabatan pemasaran

Penyataan di atas merujuk kepada langkah-langkah dalam proses pengorganisasian _____

- A pembahagian kerja
- B menubuhkan jabatan
- C menyenaraikan kerja
- D menyelaraskan kerja

13. Apakah dua dimensi utama Teori Grid Pengurusan (Managerial Grid) yang dibentuk oleh Robert Blake dan Jane Moutan. CLO1
T4

- A Sumber dan manusia
- B Kuasa dan pengarahannya
- C Pekerja dan pengeluaran
- D Konsultansi dan penglibatan

14. Teori Sifat menekankan pada sifat berkualiti yang dimiliki bagi melayakkan seseorang itu menjadi pemimpin. CLO1
T4

Manakah antara berikut yang menyatakan sifat yang terdapat dalam Teori Sifat?

- A Lambat membuat keputusan, pendiam dan pemalu
- B Kurang ilmu pengetahuan, suka memberi alasan dan sentiasa mengalah
- C Seseorang yang bercita-cita tinggi, bertenaga, boleh bekerja dalam kumpulan dan bijaksana
- D Suka mengarah orang bawahan, berkeinginan untuk menang dan sentiasa cepat dalam membuat keputusan

15. Terdapat tiga (3) pendekatan dalam Teori Kepimpinan. Manakah antara berikut CLO1
merujuk kepada Teori Kepimpinan? T4

- I. Sifat
- II. Situasi
- III. Gelagat
- IV. Kontingensi

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

16. Pengurus akan menawarkan berbagai bentuk ganjaran kepada pekerja seperti CLO1
gaji, kenaikan pangkat, sokongan, galakan, jaminan, penghormatan dan lain- T4
lain.

Apakah gaya kepimpinan pengurus tersebut?

- A** Pengurus yang berorientasikan tugas
- B** Pengurus yang berorientasikan hasil kerja
- C** Pengurus yang bertumpukan kepada pekerja
- D** Pengurus yang berfokus kepada matlamat individu

17. _____ ialah proses memantau aktiviti organisasi sebenar untuk CLO1
memastikan ianya dilaksanakan seperti yang dirancang dan memperbaiki T5
kelemahan dan ketidakakuran.

- A** Kepimpinan
- B** Pengawalan
- C** Perancangan
- D** Pengorganisasian

18. Antara berikut, yang manakah merupakan langkah-langkah dalam proses CLO1
pengawalan? T5

- I. Menetapkan piawaian
- II. Mengukur prestasi yang lepas
- III. Mengambil tindakan pembetulan
- IV. Membandingkan prestasi sebenar dengan piawaian

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

19. Berikut merupakan kepentingan pengurusan strategik **KECUALI** CLO1
T6

- A** meningkatkan pengalaman pihak pengurusan organisasi
- B** mengenalpasti perubahan persekitaran dan membuat penyesuaian
- C** menyelaraskan setiap unit untuk fokus dan mencapai matlamat yang sama
- D** kunci kepada proses pembuatan keputusan dari aspek menunjuk arah dan keutamaan organisasi

20. CLO1
I

- Proses mengenalpasti, mengkaji, mengumpul dan membekalkan maklumat bagi tujuan strategik
- Merangkumi penganalisaan faktor dalaman dan luaran organisasi seperti analisa SWOT

Kenyataan di atas menerangkan proses pengurusan strategik bagi langkah

-
- A** analisis strategik
 - B** merancang strategi
 - C** melaksanakan strategi

- D** menilai pencapaian strategi

BAHAGIAN B

[60 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Senaraikan **TIGA (3)** fungsi pengurusan. CLO1
[3 markah] T1
- b) Berikan **TIGA (3)** peranan seorang pengurus. CLO1
[3 markah] T1
- c) Terangkan **TIGA (3)** kemahiran yang perlu ada pada seorang pengurus. CLO1
[6 markah] T1
- d) McGregor menyatakan layanan seorang pengurus kepada pekerja adalah CLO1
berdasarkan andaian pengurus tersebut terhadap pekerja. Teori ini dibangunkan T1
berdasarkan dua andaian utama tentang pekerja iaitu andaian negatif (Teori X)
dan andaian positif (Teori Y).

Terangkan **EMPAT (4)** ciri andaian terhadap pekerja X dan Y tersebut. [8 markah]

Soalan 2

- a) Terangkan **DUA (2)** perbezaan perancangan strategik dan perancangan operasi. CLO1
[4 markah] T2
- b) Terangkan **TIGA (3)** daripada lima langkah dalam proses perancangan. CLO1
[6 markah] T2
- c) Terangkan **TIGA (3)** kepentingan pengorganisasian. CLO1
[6 markah] T3
- d) Senaraikan **EMPAT (4)** prinsip kawalan dalam organisasi. CLO1
[4 markah] T5

Soalan 3

- a) Terangkan **DUA (2)** daripada empat fasa gaya kepimpinan yang diperkenalkan CLO1
oleh Hersey dan Blanchard. T4

[4 markah]

- b) Terangkan **DUA (2)** elemen orientasi yang perlu digabungkan mengikut Teori CLO1
Kepimpinan Michigan. T4

[6 markah]

- c) Senaraikan **DUA (2)** kepentingan proses pengawalan dalam pengurusan CLO1
organisasi. T5

[4 markah]

- d) Terangkan **TIGA (3)** daripada 4 proses pengawalan dalam pengurusan organisasi. CLO1
T5

[6 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab